

# **PERKESO bela nasib pekerja OKU di Melaka**

*Kebajikan akan terus terbela*

December 3, 2019 3:55 pm 0

AYER KEROH 3 Dis. – Seramai 437 daripada 831 pekerja di Melaka kembali mendapat pekerjaan selepas dirujuk ke Unit Perkhidmatan Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Melaka sehingga Oktober lepas.

Exco Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar, Datuk Ginie Lim Siew Lin berkata, secara keseluruhan usaha tersebut melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM1.68 juta.

Menurutnya, bantuan itu turut melibatkan pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU).

“Terdapat 13 kes didaftarkan yang melibatkan OKU Fizikal sebanyak 10 kes, OKU Mental dua kes dan OKU Masalah Pembelajaran satu kes.

“Dari jumlah itu, sembilan kes telah berjaya mendapatkan pekerjaan,” katanya.



Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari OKU Sedunia 2019 dan Karnival Pekerjaan PERKESO di Wisma PERKESO di sini.

Hadir sama, Pengarah Pejabat PERKESO Negeri Melaka, Fadhilah Hamil dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Burhanuddin Bachik.

Tambah Ginie, OKU terlibat telah ditawarkan pekerjaan dalam sektor kolar biru.

“Sesungguhnya usaha pihak berkenaan dalam memastikan kebajikan penerima-penerima faedah mereka terbela walaupun bagi golongan kurang upaya.

“Kita dapat lihat peranan dan tanggungjawab PERKESO semakin meluas. Selain daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO

telah memperkenalkan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri untuk pemandu teksi, e-hailing dan bas,” katanya.

Tambahnya, beliau sentiasa mengalu-alukan perluasan skim dan faedah disediakan PERKESO kerana ia pasti memberi manfaat kepada golongan pekerja di negeri ini.

Ginie turut memuji langkah PERKESO menganjurkan karnival tersebut yang mengkhususkan kepada golongan OKU.

“Program kerjaya ini tidak akan mungkin dilakukan tanpa sokongan berterusan pihak majikan,” katanya.